

26 NOV 1999

Mahathir-Lapangan terbang

MAHATHIR LANCAR PROJEK LAPANGAN TERBANG BARU

KUALA TERENGGANU, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan majlis pecah tanah projek pembesaran lapangan terbang Kuala Terengganu yang akan membuka negeri ini kepada perkhidmatan udara yang lebih baik.

Dua syarikat telah dilantik melaksanakan projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Seberang Takir itu.

Peringkat pertama projek yang bernilai RM200 juta dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

Para pegawai negeri berkata apabila lapangan terbang itu diperbesarkan, ia boleh mengendalikan dua pesawat B-747 dan tiga pesawat Airbus pada satu-satu masa serta mampu mengendalikan operasi haji ke Mekah.

Kuala Lumpur International Airport Berhad akan menanggung kos RM300 juta bagi menaik taraf lapangan terbang yang kini mengendalikan sekurang-kurangnya lima penerbangan sehari.

Lapangan terbang itu akan turut memberi manfaat kepada negeri-negeri pantai timur memandangkan ia boleh meningkatkan aktiviti pelancongan.

Lapangan Terbang Sultan Mahmud pada masa ini merupakan lapangan terbang domestik dengan kemudahan yang dapat menampung operasi pesawat Boeing 737 atau yang serupa.

Kerajaan persekutuan telah meluluskan supaya lapangan terbang ini ditingkatkan tarafnya dari lapangan terbang domestik kepada lapangan terbang yang dapat mengendalikan penerbangan antarabangsa.

Tujuan utama peningkatan taraf ini adalah untuk membolehkan lapangan terbang itu, setelah siap kelak, menjadi pusat mengendalikan penerbangan haji bagi negeri-negeri Pantai Timur.

Lapangan terbang ini akan mampu mengendalikan penerbangan haji terus menggunakan pesawat Boeing 747 atau B777 dengan penerbangan terus ke Jeddah.

Ini bererti bakal haji dari Pantai Timur tidak lagi perlu mengambil penerbangan antarabangsa di Kuala Lumpur atau lapangan terbang lain.

Di samping itu, dengan kemudahan yang dicadangkan itu ia akan membolehkan lapangan terbang itu mengendalikan penerbangan antarabangsa yang lain.

Projek itu yang dijadual bermula tahun depan dibahagikan kepada dua pakej utama. Pakej pertama termasuk pemanjangan landasan yang sedia ada dari 2000 meter kepada 3100 meter dan pembinaan "aircraft parking apron" untuk dua pesawat B747 serta tempat menyimpan kapal terbang.

Ia juga meliputi pembinaan menara kawalan, bangunan Jabatan Penerbangan Awam baru, meningkatkan sistem lampu pendaratan serta lampu landasan dan meningkatkan sistem bantuan penerbangan dan penunjuk laluan.

Pakej kedua meliputi pembinaan terminal baru dua tingkat dengan keluasan 20,890 meter persegi yang dapat menampung operasi B747.

Bangunan terminal ini dilengkapi dengan dua jambatan mengurus penumpang. Jangka masa pembinaan projek ini adalah selama 36 bulan.

-- BERNAMA

GM TM LAT